

RENE DESCARTES (1596-1650) DAN METODE *COGITO*

Oleh:

Solehah Hj. Yaacob*

Hairunnaja Hj. Najmuddin**

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan menerangkan Metode Cogito yang diperkenalkan oleh Rene Descartes. Ia juga turut mengupas latar belakang beliau sewaktu kanak-kanak dan kehidupan beliau sewaktu dewasa bagi mengenal pasti perkaitan di antara kedua-duanya dengan falsafah beliau. Penulis menyatakan mengenai idea dan perspektif Descartes terhadap falsafah dan pemikiran logik yang secara mutlak menolak wahyu Tuhan. Descartes adalah ahli falsafah yang masyhur di dunia Barat kerana beliau mengemukakan metod falsafahnya sendiri – iaitu menggunakan hujah-hujah logikal – yang kemudiannya telah membuka ruang kepada penaakulan logik di masa dominasi gereja berlaku di Eropah. Penulis percaya artikel ini akan memberi kesan dan sumbangan kepada sesiapa yang meminati kajian di Zaman Pencerahan.

ABSTRACT

The study aims to explain the Cogito Method by Rene Descartes. It also endeavours to discover the link between his childhood background and his adult life that contribute to his philosophy. In this study, the researcher indicate

* Solehah Hj. Yaacob, Ph.D merupakan Penolong Professor (Pensyarah Kanan), Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

** Hairunnaja Hj. Najmuddin, merupakan Kaunselor di Unit Bimbingan Kaunseling, Pusat Asasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Descartes ideas and perspectives toward philosophical and logical approach that totally refute God's revelation. Descartes is a famous philosopher in the Western world because he implemented his own philosophical method - using logical arguments - which was then open the space for reasoning in the time of church domination in Europe. The researcher believes this article will give an impact and contribution for those who are concentrating in the field during the enlightenment period.

Keywords: Rene Descartes, Cogito Method

PENDAHULUAN

Dari segi sejarah, zaman falsafah moden dianggap bermula di Barat sejak tercetusnya krisis di Zaman Pertengahan (*Middle Ages / Dark Ages*) selama dua abad (abad ke 14 dan ke 15) dengan munculnya gerakan *Renaissance*. *Renaissance* (kelahiran semula) adalah suatu istilah yang sering digunakan untuk menamakan gelombang-gelombang kebudayaan dan pemikiran di Eropah yang bermula di Itali pada abad ke 14 dan kemudiannya merebak ke Perancis, Sepanyol, Jerman, Belanda, England dan ke negara-negara Eropah lainnya. *Renaissance* adalah zaman perkembangan peradaban yang berlaku di hujung atau selepas Zaman Pertengahan sehingga munculnya Zaman Moden.¹

Rasionalisme adalah suatu aliran pemikiran yang muncul dalam era falsafah moden di dunia Barat. Di dalam Ensiklopedia Falsafah (*Encyclopedia of Philosophy*), dinyatakan bahawa perkataan rasionalisme adalah berasal dari perkataan Latin iaitu "*ratio*" yang memberi makna "*reason*" dalam bahasa Inggeris. Rasionalisme adalah istilah yang merujuk kepada beberapa pandangan dan gerakan idea, terutamanya yang merupakan pandangan falsafah ataupun program yang memberi penekanan kepada kuasa akal pra-pengalaman untuk mencapai intipati kebenaran tentang dunia (*the power of a priori reason to grasp substantial truths about the world*) dan dalam masa yang sama cenderung untuk menganggap sains tabi'i secara asasnya adalah sesuatu pra-pengalaman yang baru (*and correspondingly tends to regard natural science as a basically a priori enterprise*).

Rasionalisme adalah aliran pemikiran falsafah yang mengatakan bahawa akal (*reasoning*) adalah alat terpenting dalam memperolehi pengetahuan dan menguji pengetahuan. Aliran pemikiran rasionalisme menyatakan bahawa

¹ Asmoro Achmadi (1997), *Filsafat Umum*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada, h. 109.

pengetahuan diperoleh dengan cara berfikir. Alat-alat untuk berfikir itu pula adalah kaedah-kaedah logik.² Menurut Sidi³ pula, rasionalisme menduduki tempat yang penting dalam teori pengetahuan. Istilah rasionalisme biasanya dikaitkan dengan golongan rasionalis abad ke 17 dan ke 18. Antara tokoh-tokoh aliran rasionalisme yang terkemuka adalah Rene Descartes (1596-1650), Baruch (Benedict) Spinoza (1632-1677), Gottfried Wilhelm von Leibniz (1646-1716) dan Christian Wollff (1679-1754).

Ensiklopedia Falsafah (*Encyclopedia of Philosophy*), juga menyebut bahawa rasionalisme wujud dalam dua keadaan, iaitu rasionalisme dalam bidang teologi dan rasionalisme dalam bidang falsafah. Di dalam bidang teologi, rasionalisme muncul untuk membebaskan manusia daripada kongkongan gereja Kristian yang tidak menggalakkan penggunaan akal fikiran. Dalam bidang falsafah pula, rasionalisme muncul dalam perbincangan tentang sumber-sumber pengetahuan. Rasionalisme adalah aliran pemikiran yang bertentangan dengan empirisisme. Bila rasionalisme dibincangkan dengan mendalam, pasti empirisisme turut dibincangkan bersama-sama supaya senang difahami. Begitu juga sebaliknya.

Dari segi sejarah, rasionalisme sebenarnya telah muncul sejak lama dahulu iaitu sejak dari Zaman Yunani Kuno. Thales (625-545 SM) telah dianggap sebagai ahli falsafah yang mula-mula sekali menerapkan rasionalisme dalam falsafahnya. Asas rasionalisme yang telah beliau letakkan di dalam falsafah telah dilanjutkan oleh golongan sofis dan ahli falsafah Yunani Klasik seperti Socrates (469-399 SM), Plato (427-347 SM) dan Aristotal (384-322 SM) dan tokoh-tokoh falsafah sesudah mereka. Dalam zaman falsafah moden, tokoh rasionalisme yang dikira sebagai yang mula-mula mencetuskannya adalah Rene Descartes, dan diikuti oleh Spinoza dan Leibniz. Setelah berlalu zaman mereka bertiga, aliran rasionalisme telah dikembangkan secara sempurna oleh ahli falsafah German iaitu Georg Wilhelm Friedrich Hegel (1770-1831) yang kemudiannya juga terkenal sebagai tokoh rasionalisme dalam sejarah.⁴

KEDUDUKAN RENE DESCARTES (1596-1650) DALAM FALSAFAH MODEN BARAT

Apabila membincangkan tentang falsafah moden Barat, pasti Rene Descartes adalah merupakan tokoh yang disebut terlebih dahulu. Descartes telah

² Ahmad Tafsir (1997), *Filsafat Umum. Akal dan Hati Sejak Thales Sampai James*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya, h. 111.

³ Sidi Gazalba (1977), *Sistematika Filsafat*, j. 2. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 130.

⁴ Ahmad Tafsir (1997), *op.cit.*, h. 111.

dianggap di dunia Barat sebagai “Bapa Falsafah Moden”. Idea beliau yang telah mencetuskan gelombang menggunakan akal fikiran dalam mencapai pengetahuan dan menolak ajaran gereja-gereja Kristian yang kononnya berpegang kepada wahyu. Gelaran “Bapa Falsafah” diberikan kepada Descartes sesuai dengan kedudukannya sebagai orang yang pertama di Zaman Moden yang membangunkan falsafah yang berdiri di atas keyakinan diri sendiri yang dihasilkan oleh pengetahuan 'aqliyyah (akal). Descartes disanjung di dunia Barat kerana keberaniannya melepaskan diri dari kongkongan tradisi dan dogma gereja Kristian yang menyekat perkembangan falsafah pada zaman pertengahan.⁵

Descartes adalah orang pertama di akhir abad pertengahan yang telah menyusun perbincangan yang kuat dan jelas (*distinct*) yang menyimpulkan bahawa asas falsafah haruslah akal fikiran dan bukannya perasaan, keimanan, ayat-ayat suci dan bukan sumber-sumber lainnya. Corak falsafah Descartes adalah sangat berbeza dan bertentangan dengan corak falsafah pada Zaman Pertengahan yang didominasi oleh ajaran-ajaran gereja Kristian. Beliau telah menggunakan kembali aliran rasionalisme seperti yang telah berkembang di Zaman Yunani Kuno. Menurut Ahmad,⁶ aliran pemikiran Descartes juga sering disebut sebagai bercorak *renaissance* (kelahiran semula). Aliran pemikiran Descartes telah dianggap sebagai kelahiran semula rasionalisme Zaman Yunani yang telah hilang sejak sekian lama.

Christian⁷ menyebut di dalam bukunya mengenai kedudukan Descartes dalam sejarah falsafah dunia sebagai berikut:

Selain dari pemberian yang membolehkan penelitian tentang kehidupan yang baik di sebalik pelbagai konflik dan penentangan, dan selain dari memberikan inspirasi melihat satu minda agung terus menerus berusaha untuk memahami sesuatu perkara, Descartes adalah sangat penting di dalam sejarah falsafah disebabkan:

- i. Metode kesangsiannya (iaitu suatu paradigma yang digunakan kepada sesiapa yang sedar bahawa selama ini dia telah diajarkan dengan sesuatu yang sebenarnya tidak betul).
- ii. Ungkapan kata-kata terkenalnya “Cogito Ergo Sum”.
- iii. Hujah-hujahnya tentang bukti kewujudan Tuhan.
- iv. Pandangannya tentang sifat dualisme minda dan jasad.

⁵ *Ibid.*, h. 112.

⁶ *Ibid.*

⁷ Christian, J.L. (2002), *The Wisdom Seekers. Great Philosophers of the Western World*, j. 2. Belmont, CA: Wadsworth / Thomson Learning, h. 45.

- v. Rasionalisme-nya boleh diterapkan ke dalam falsafah yang terkemudian.
- vi. Beberapa kesadaran mendalam yang kekal yang diberikannya kepada manusia. Contohnya seperti kenyataan beliau:

Orang yang sentimennya sangat bertentangan dengan sentimen kita tidak semestinya adalah orang yang barbarik ataupun ganas” (People whose sentiments are very contrary to ours are not necessarily barbarians or savages).

Ahli-ahli falsafah cemerlang bercakap perkara-perkara yang mengarut (Philosophers excel at talking nonsense).

Kita patut mengikut akal fikiran sehingga ke peringkat yang tertingginya - yang kita boleh capai dengan akal fikiran kita sebagai seorang manusia – terjemahan penulis. (We should follow reason as much as humanly possible).

Hujahan-hujahan sifatnya tidak memujuk dan tidak pula memberitahu (Arguments neither persuade nor inform).

- vii. Beberapa idea-ideanya yang betul-betul teruk. Contohnya seperti kenyataan beliau:

Binatang-binatang adalah mesin-mesin tanpa pemikiran atau perasaan. (Animals are machines without thought or feeling).

Orang-orang yang tidak percaya adanya Tuhan tidak dapat memastikan bahawa sebuah segitiga mempunyai tiga sudut. (Atheist can't be certain that a triangle has three angels).

Perempuan mungkin tidak mempunyai kelenjar pineal (kelenjar berbentuk kon di dalam otak), kesannya, perhubungan minda-badan perempuan mungkin sedikit terbantut. (Women may not have pineal glands, implying that the female mind-body connection may be slightly stunted).⁸

⁸ *Ibid..*

LATAR BELAKANG RENE DESCARTES (1596-1650)

Kelahiran

Descartes dilahirkan pada 31 Mac 1596 di sebuah bandar kecil bernama La Haye, di Touraine, Perancis. Rumah di mana Descartes dilahirkan masih kekal ada hingga kini dan bandar kecil La Haye telah ditukar nama kepada “Descartes” sempena memperingatinya. Descartes telah dilahirkan dalam zaman yang penting (*pivotal time*). Beliau dilahirkan kira-kira 100 tahun selepas Christopher Columbus belayar ke benua Amerika dan kira-kira 50 tahun selepas Nicolaus Copernicus (1473-1543) menerbitkan hasil kerjanya yang penuh kontroversi (beliau menulis mengenai teori beliau bahawa bumi yang mengelilingi matahari dan menolak teori lama yang dikemukakan oleh Ptolemy (150 SM) bahawa bumi adalah pusat alam sejagat dan matahari serta planet-planet lain mengelilinginya dalam orbit masing-masing – penulis). Pada zaman kelahiran Descartes, Shakespeare sedang berada pada kemuncak kemasyhurannya. Descartes meninggal dunia pada tahun 1650. Kira-kira 40 tahun selepas kematiannya, Isaac Newton menerbitkan hasil kerja fiziknya yang terkenal.⁹

Keluarga dan Kehidupan Awal

Nama Rene Descartes adalah nama yang digunakan oleh Descartes di Perancis. Kadang-kadang beliau mengeja namanya “Des Cartes” untuk menyembunyikan identitinya. Akan tetapi, kawan-kawan beliau mengenali beliau dengan nama Latin, iaitu Renatus Cartesius. Dari perkataan Cartesius inilah kata adjektif “*Cartesian*” diambil bagi merujuk metodenya yang terkenal itu.¹⁰ Keluarganya adalah dari golongan bangsawan. Ayah beliau bernama Joachim merupakan seorang peguam dan ahli majlis Parlimen British. Ibu beliau bernama Jeanne Brochard pula adalah dari keluarga saudagar dan pegawai kerajaan. Ibu Descartes mengidap penyakit *tuberculosis* semasa melahirkannya dan meninggal dunia pada tahun berikutnya.

Descartes adalah seorang kanak-kanak yang lemah fizikal sejak lahir lagi yang dipercayai diwarisi dari ibunya. Descartes mempunyai seorang abang bernama Pierre dan kakak bernama Jeanne yang hidup hingga dewasa. Selepas kematian ibunya, Descartes dan saudara kandungnya tinggal bersama nenek sebelah ibu. Semasa kecilnya, Descartes tidak pernah mengenali ibu kandungnya. Bapanya pula kerap tinggal di luar bandar

⁹ Lawhead, W.F (2002), *The Voyage of Discovery: A Historical Introduction to Philosophy*, 2nd ed. Belmont, CA: Wadsworth / Thomson Learning, h. 29.

¹⁰ Christian, J.L. (2002), *op.cit.*, h. 45.

kecil La Haye bagi tempoh masa yang lama. Semasa Descartes berumur 4 tahun, bapanya berkahwin semula dan berpindah dari La Haye. Bapanya mempunyai 4 orang anak dari keluarga barunya itu. Descartes tinggal bersama neneknya dan dijaga oleh seorang jururawat yang diupah oleh keluarganya. Kebanyakan masa Descartes telah dihabiskan bersendirian dan beliau menjadi seorang kanak-kanak yang banyak berfikir.¹¹

Pendidikan

Descartes mempunyai minda yang cerdas. Beliau telah minat untuk belajar meskipun belum pergi ke sekolah lagi. Semasa berumur 8 tahun, Descartes telah dihantar ke Jesuit College Royal di sebuah kampung bernama La Fleche yang terletak kira-kira 60 batu ke barat laut La Haye. Kolej Jesuit adalah gabungan sekolah menengah dan universiti. Di kolej ini, Descartes telah diletakkan di bawah pengawasan Rektor Kolej bernama Father Etienne Charlet – seorang pendidik yang dihormati dan mempunyai kaitan persaudaraan dengan beliau. Charlet telah memberi pengaruh yang besar kepada kehidupan Descartes dan menjadi bapa kedua kepadanya.¹²

Descartes telah menghabiskan 8 tahun yang telah membina wataknya di kampung La Fleche. Dalam tempoh 5 tahun pertama, beliau mempelajari ilmu yang lengkap tentang bahasa dan kesusasteraan klasik yang menjadikannya fasih berbahasa Latin. Dalam baki tiga tahun berikutnya beliau mempelajari ilmu falsafah, yang meliputi asas yang kukuh mengenai logik deduktif dan etika Aristotle, teori saintifik Aristotle, dan metafizik Aristotle dan Thomas Aquinas sepertimana yang ditafsirkan oleh ahli-ahli teologi Kolej Jesuit. Descartes kemudiannya telah jatuh cinta dengan falsafah dan mengandaikan bahawa hidup tanpa berfalsafah adalah seperti hidup dengan mata yang tertutup (*to live without philosophizing is to live with closed eyes*).

Descartes ditakdirkan mempunyai banyak masa bersendirian untuk mengulangkaji pelajaran dan berfikir tentang dunia yang dilaluinya ketika tinggal di La Fleche. Disebabkan keadaan kesihatannya yang tidak begitu baik, beliau dibenarkan untuk mendapat keistimewaan – iaitu tidak perlu bangun awal pagi sepertimana para pelajar yang lain. Beliau telah dibenarkan oleh pihak kolej untuk berada di atas katil sehingga tengah hari. Bagi memastikan tidak terlajak tidur, Descartes telah mendisiplinkan dirinya bangun di awal pagi. Beliau telah menghabiskan masa di dalam bilik bersendirian di waktu pagi mengulang kaji pelajaran, mengambil nota dan membuat refleksi (berfikir). Biasanya Descartes menghabiskan masa

¹¹ *Ibid.*, h. 46.

¹² *Ibid.*.

10 hingga 14 jam di atas katil setiap malam – suatu rutin yang menjadi amalnya sepanjang usia.

Selepas menghabiskan 8 tahun belajar di La Fleche, Descartes merasakan yang beliau tidak menemui apa yang dicarinya, iaitu kepastian. Beliau merasakan pendidikan berdasarkan falsafah Aristotle yang diterimanya tidak dapat memberinya kepastian. Guru-guru dan pelajar-pelajar sering berdebat dalam masalah yang ditentukan dan seringkali perdebatan tersebut tidak memberikan jawapan yang pasti. Descartes mendapati, keinginannya yang sangat kuat untuk mendapatkan kepastian hanya menyebabkannya bertambah tidak pasti lagi. Beliau kemudiannya meninggalkan Kolej Jesuit dan menyambung pelajaran di University of Poitiers. Beliau kemudiannya memperolehi ijazah dalam bidang undang-undang sivil dan undang-undang kitab suci.¹³

Mengembara dan Mencari Kepastian

Meskipun mempunyai ijazah undang-undang, Descartes tidak berminat untuk berkerjaya dalam bidang undang-undang. Disebabkan rasa tidak tenteram dan mempunyai keluarga yang berada yang boleh menyara hidupnya, beliau memulakan beberapa siri pengembaraan. Descartes telah menyertai beberapa kumpulan tentera dan berpeluang mengembara sambil meneruskan pendidikannya.¹⁴ Meskipun menyertai tentera, Descartes tidak pernah terlibat dengan peperangan sebenar di medan pertempuran. Sebaliknya, dengan menyertai kumpulan tentera, beliau berpeluang menjelajah ceruk rantau Eropah. Beliau juga masih terus mencari ilmu dengan membaca buku-buku yang bagus kerana itulah yang telah diajarkan kepada beliau di La Fleche dulu, iaitu membaca semua buku-buku yang bagus adalah seperti berbicara dengan orang yang terbaik pada tahun-tahun terdahulu.¹⁵ Pada masa inilah juga bermulanya kehidupan Descartes sebagai seorang *gentleman* iaitu gelaran bagi golongan bangsawan kaya dan terpelajar di dalam budaya masyarakat di Eropah Barat.¹⁶

Di dalam buku berjudul *The Wisdom Seekers – Great Philosophers of the Western World (volume 2)*, dinyatakan bahawa pada tahun 1618 sejeurus selepas meletusnya Perang Puluh Tahun di Eropah Tengah, Descartes mengikuti kumpulan tentera Prince Maurice of Nassau di Belanda. Beliau kemudiannya meneruskan perjalanan ke Bohemis dan menyertai kumpulan

¹³ *Ibid...*

¹⁴ Lawhead, W.F. (2002), *op.cit.*, h. 58.

¹⁵ Christian, J.L. (2002), *op.cit.*, h. 46.

¹⁶ Levi, A.W. (1991), *Falsafah Sebagai Pengungkapan Sosial*. Ilyas Zaidi (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45.

tentera Maximilian, Duke of Bavaria untuk beberapa bulan. Di sepanjang tahun 1618 hingga 1624, Descartes secara sukarela telah menyertai tentera pelbagai negara di Eropah sama ada negara tersebut menyokong fahaman Katolik ataupun Protestan. Beliau sendiri tidak pasti, siapa sebenarnya yang memerangi siapa dalam peperangan tersebut. Beliau hidup di dalam dunia beliau sendiri mencari kepastian tentang kehidupan yang dilaluinya.

Descartes telah mengembara dengan menggunakan duit sendiri di antara tahun 1620 hingga 1625. Beliau telah menjelajah ke seluruh Eropah Tengah, Scandinavia, dan terus ke negara-negara kawasan rendah. Beliau kemudian terus ke Itali bagi meneruskan pengajiannya secara diam-diam serta “berbincang” dengan golongan *gentleman* yang terpelajar lagi bangsawan. Pada tahun 1622 ataupun 1623 beliau telah pulang ke Ronnes, di Perancis. Di Ronnes, Descartes telah mendapat daripada ayahnya bahagian hartanya dari peninggalan mendiang ibunya. Beliau telah menjual harta yang diwarisi dari ibunya di Le Perron dan tanah-tanah lain di Poitou bagi mendapatkan duit yang cukup untuk menampung kehidupannya yang mewah tetapi tidak bekerja tetap. Descartes tidak menjual harta beliau “Seigneur tu Perron” di Belanda kerana mahu mengekalkan pengaruhnya sebagai seorang *gentleman* dan mahu menjadikannya sebagai tempat tinggal tetapnya di Belanda. Descartes kemudian meneruskan pengembaraan ke Itali melalui Innsbruck, berada di Venice, Loretto, dan menghadiri perayaan Jubli di Rom pada tahun 1625. Beliau kemudian pulang ke Perancis melalui Florence, iaitu tempat tinggal Gallileo tetapi tidak berpeluang menemuinya di sana.¹⁷

Di samping menjadi seorang yang baik dengan latar belakang pendidikan yang terhormat dan hidup sebagai seorang yang bermoral, Descartes juga sebenarnya pernah dalam masa 2 tahun berikutnya selepas kepulangannya ke Perancis, hidup sebagai seorang *gentleman* yang berpoya-poya di Paris dan mengikut hawa nafsu. Descartes hidup bersosial mencari ramai kawan. Rumah beliau di Rue du Four menjadi tempat pertemuan beliau dengan kawan-kawan yang sama pemikiran dengan beliau. Descartes juga menyukai meja judi di kasino-kasino di Paris. Ramai yang mengetahui kemahirannya di meja judi kerana kemahirannya dalam bidang matematik. Beliau menghabiskan duit dan berpoya-poya hingga akhirnya beliau sendiri bosan dengan kehidupan yang sebegitu. Beliau kemudian meninggalkan bar-bar (*salon*) dan kasino dan kembali kepada kehidupan berfikir yang lebih menyeronokkan.¹⁸

Descartes juga dikatakan sempat menerokai minatnya yang mendalam di dalam bidang matematik dan bersahabat dengan ilmuan bidang matematik iaitu Isaac Beeckman, pengetua sekolah Latin di Dordrecht dan dikenali

¹⁷ *Ibid.*, h. 46.

¹⁸ Christian, J.L. (2002), *op.cit.*, h. 47.

sebagai ahli matematik Belanda yang ulung. Perkenalan mereka bermula apabila pada suatu hari Descartes berjalan seorang diri di pekan Breda di Belanda. Descartes ternampak seorang lelaki sedang melekatkan poster yang tertulis dengan masalah matematik. Disebabkan beliau pada masa itu tidak tahu berbahasa Belanda (bahasa Flemish), beliau meminta orang-orang yang berada di situ untuk menterjemahkannya ke bahasa Latin ataupun Perancis. Setelah diterjemahkan masalah tersebut kepada bahasa yang difahaminya, Descartes telah berjaya menyelesaikan masalah tersebut dengan kepantasan yang luar biasa. Tingkah laku beliau itu rupanya diperhatikan oleh Isaac yang berasa sangat kagum dengan kebolehan intelektual Descartes. Mereka kemudian telah bersahabat dan berhubung di antara satu sama lain untuk tempoh yang lama. Pertemuan tidak diduga ini juga mendorong Descartes untuk meneroka bidang teori matematik dan mendedikasikan kehidupannya dalam bidang tersebut pula.¹⁹

Descartes pergi ke Belanda pada musim luruh tahun 1628 dengan hasrat hendak bermastautin di sana. Beliau telah tinggal di Belanda sejak itu selama kira-kira dua puluh tahun. Semasa berada di Belanda, beliau bersahabat dengan ramai cerdik pandai dan ilmuan dalam bidang sains dan matematik. Menurut Levi,²⁰ dua tahun yang pertama berada di Belanda dapat dianggap sebagai contoh yang mewakili keseluruhan hidup Descartes selama dua puluh tahun di negara itu yang mana beliau sentiasa berada dalam kegelisahan. Sepanjang tinggal di Belanda, Descartes telah mendiami tiga belas buah rumah di Francker, Amsterdam, Leiden, Utrecht, Endegeest, Deventer, Egmond dan di The Hague. Kebanyakan rumah beliau terletak di luar bandar dan di pinggir-pinggir bandar.

Christian²¹ menyatakan bahawa perbuatan Descartes yang sering berpindah rumah bukanlah menunjukkan yang Descartes seorang yang anti sosial. Akan tetapi, Descartes berpindah rumah disebabkan beliau tidak mahu diganggu. Descartes merasakan masa yang ada untuk dirinya terlalu berharga. Oleh itu, beliau tidak mahu mensia-siakan kebolehannya dengan terlibat dengan apa-apa yang boleh mengganggu tumpuannya. Beliau memilih untuk tenggelam dalam dunia fikiran sendiri dan berfikir. Descartes juga tidak mengajar di mana-mana fakulti kerana tidak mahu terlibat mengambil hati mana-mana pihak yang berkuasa. Beliau lebih selesa tinggal di rumah yang sederhana dan berdekatan dengan perpustakaan. Beliau gemar berkebun (*gardening*), kerana berkebun membolehkannya bersendirian dan berfikir. Beliau tinggal bersendirian ditemani pembantu-pembantu rumah. Beliau tidak menerima tetamu.

¹⁹ *Ibid.*, h. 48.

²⁰ Levi, A.W. (1991), *op.cit.*, h. 82.

²¹ Christian, J.L. (2002), *op.cit.*, h. 48.

Beliau mengambil sendiri surat di pejabat pos kerana tidak mahu orang ramai tahu di mana beliau tinggal.

Menurut Christian²² lagi, di sepanjang hidupnya Descartes tidak pernah berkahwin. Beliau pernah berlawan pedang dengan lelaki kerana seorang wanita yang menjadi pilihan keluarganya sebagai bakal isterinya. Descartes memenangi perlawanan pedang tersebut tetapi tidak mengapa-apakan lelaki itu kerana beliau sememangnya tidak berhajat mengahwini wanita pilihan keluarganya itu. Ketika berusia 29 tahun, beliau membina hubungan dengan seorang wanita muda atas desakan saudara mara. Walau bagaimanapun, perhubungan itu tidak berakhir dengan perkahwinan. Semasa Descartes tinggal di Amsterdam, seorang wanita Belanda yang juga salah seorang pembantu rumahnya bernama Helena Jans telah menjadi kekasihnya. Bersama-sama dengan kekasihnya itu, Descartes mempunyai seorang anak bernama Francine. Pada bulan Ogos 1635, Francine telah dibaptiskan sebagai anak perempuan yang sah kepada Descartes di sebuah Gereja Pembaharuan (Reformed Church) di Deventer. Francine meninggal dunia ketika berumur lima tahun kerana dijangkiti demam *scarlet* (demam yang disertai dengan bintik-bintik merah pada kulit) pada tahun 1640.

Karya Penulisan

Di sepanjang hidupnya, Descartes telah menulis buku-buku yang terkenal yang diterbitkan semasa dia hidup ataupun sesudah kematiannya. Menurut Lawhead,²³ pada penghujung tahun 1620 an Descartes telah pun menyiapkan tulisannya yang berjudul *Rules for the Direction of the Mind*. Bagaimanapun, tulisan tersebut hanya diterbitkan sebagai buku selepas kematiannya. Pada tahun 1633 pula, beliau telah siap menyelesaikan tulisannya berjudul *Le Monde Ou Traite De La Lumiere* yang bermaksud *The World* dalam bahasa Inggeris. Beliau berhasrat untuk menerbitkannya pada tahun tersebut, tetapi kemudiannya membatalkan hasratnya itu kerana pada bulan Jun di tahun tersebut Penyiasatan Rasmi di Rom telah secara rasmi mengecam tulisan Gallileo. Hasil tulisan Descartes adalah sama nada dengan tulisan Gallileo mengenai pandangan beliau tentang dunia ini. Bagaimanapun, *Le Monde* kemudiannya diterbitkan pada tahun 1664 selepas kematiannya.

Pada tahun 1634 ketika di Amsterdam, beliau telah menulis buku berjudul *Dioptrics*. Pada tahun 1635 pula beliau telah menulis buku berjudul *Meteors*. Ketiga-tiga buku beliau, iaitu *Le Monde*, *Dioptrics* dan *Meteors* adalah penulisan beliau yang mencerminkan pelunjukan yang

²² *Ibid.*, h. 49.

²³ Lawhead, W.F. (2002), *op.cit.*, h. 74.

menggarisi sains kesejagatan barunya²⁴. Menurut Scruton²⁵, hasil kerja Descartes yang paling penting adalah bukunya yang berjudul *Discourse on the Method of Rightly Conducting One's Reason and Seeking the Truth in the Sciences* yang diterbitkan pada tahun 1637 di dalam bahasa Perancis dan bukannya dalam bahasa Latin. Lawhead²⁶ menyatakan, Descartes sengaja menulisnya dalam bahasa Perancis kerana dia mahu orang ramai membacanya. Jika ditulis dalam bahasa Latin, hanya golongan terpelajar sahaja yang akan membacanya. Descartes merasakan tulisannya akan ditolak oleh golongan terpelajar.

Menurut Scruton²⁷ lagi, di dalam buku *Discourse on the Method*, Descartes telah meletakkan matlamat hidupnya, iaitu mengarahkan akalinya (*reason*) secara yang sistematik untuk mencari kebenaran dan menghapuskan kesalahan. Pada tahun 1641 pula, Descartes telah menerbitkan karyanya yang agung (*masterpiece*) yang berjudul *Meditations on First Philosophy* di dalam bahasa Latin yang merupakan salah sebuah karya yang telah terlibat dengan banyak perdebatan dalam sejarah dunia falsafah. Menurut Levi,²⁸ penerbitan kedua-dua buku ini telah merintis jalan ke arah penonjolan nama baik Descartes dalam bidang falsafah peringkat antarabangsa. Reputasi Descartes telah menonjol di kalangan teman-temannya yang terdiri daripada golongan cendekiawan dan kemudiannya merebak kepada kalangan masyarakat *gentleman* yang berdarah bangsawan serta kalangan diraja yang berdarjat tinggi.

Pada tahun 1644 pula, Descartes menerbitkan pula buku berjudul *Principles of Philosophy* yang memuatkan cubaannya yang bersungguh-sungguh untuk mengetengahkan metode falsafah yang sistematik yang diambil dari asas-asasnya yang boleh menjelaskan fenomena dunia fizikal.²⁹ Menurut Lawhead³⁰, Descartes mengharapakan bukunya akan digunakan sebagai buku teks di universiti menggantikan buku teks yang berasaskan falsafah Aristotal. Menurut Levi³¹ dan Christian³², Descartes telah mendedikasikan bukunya kepada Puteri Elizabeth, anak perempuan Raja Frederick V dari Bohemia, yang juga merupakan sahabat wanita yang begitu memahami pemikiran, hati dan perasaannya.

²⁴ Levi, A.W. (1991), *op.cit.*, h. 35.

²⁵ Scruton, R. (2002), *A Short History of Modern Philosophy: From Descartes to Wittgenstein*, 2nd ed. London: Routledge Classics, h. 30.

²⁶ Lawhead, W.F. (2002), *op.cit.*, h. 53.

²⁷ Scruton, R. (2002), *op.cit.*, h. 30.

²⁸ Levi, A.W. (1991), *op.cit.*, h. 46.

²⁹ Scruton, R. (2002), *op.cit.*, h. 30.

³⁰ Lawhead, W.F. (2002), *op.cit.*, h. 32.

³¹ Levi, A.W. (1991), *op.cit.*, h. 46.

³² Christian, J.L. (2002), *op.cit.*, h. 50.

Karya terakhir yang ditulis oleh Descartes dalam hidupnya adalah *Passion of the Soul* yang ditulis dalam bahasa Perancis pada musim sejuk tahun 1645–1646. Draf karya tersebut telah dihantar kepada Puteri Elizabeth pada bulan April 1646 bagi mendapatkan kritikan dan tegurannya. Ia kemudian telah dihantar kepada Permaisuri Christina dari Sweden dengan perantaraan Hector-Pierre Chanut, seorang pewarta kelas atasan dan sahabat Descartes yang kemudiannya menjadi duta Perancis ke Sweden. Karya Descartes itu telah ditempatkan di tangan Clerselier ataupun Abbe Picot di Paris pada bulan Ogos 1649. Pada bulan November 1649, buku tersebut diterbitkan oleh Elzevir di Amsterdam. Karya ini mencerminkan sebegitu banyak sambutan seseorang ahli falsafah yang diletakkan secara paksa di dalam memainkan peranan kebijaksanaan moral oleh wanita daripada keturunan darah diraja yang inteligen dan pendesak sebagai kesimpulan seseorang ahli sains yang secara tabii ataupun peraturannya telah melihat permasalahan-permasalahan emosi dan kesucian moral lebih daripada segi psikologi falsafahnya kalau hendak dibandingkan dengan semata-mata mementingkan kategori beretika.³³

Kematian

Permaisuri Christina dari Sweden adalah satu-satunya anak kepada Raja Gustavus Adolphus. Baginda menaiki takhta sejak berumur 6 tahun lagi dan merupakan seorang wanita yang bijak dan tidak mudah mengalah. Baginda seorang yang terpelajar, meminati Kesusasteraan Klasik dan merupakan penaung kuat kepada kesenian. Baginda sendiri telah mengubah dewan keramaian Istana Sweden kepada pusat kegiatan seni dan intelektual. Baginda yang telah membaca buku Descartes iaitu *Principles of Philosophy* dan draf buku *Passion of the Soul* yang dihantar kepada beliau pada tahun 1647 telah berminat untuk menjemput Descartes datang ke Sweden. Baginda memang telah berutus surat dengan Descartes selepas membaca draf buku *Passion of the Soul* dan pada bulan Februari 1649 baginda telah menjemput Descartes datang ke Stockholm untuk mengaturkan sebuah akademi sains di sana.³⁴

Descartes pada awalnya menolak pelawaan Permaisuri Christina itu. Sebagai ganti beliau telah mengirimkan kepada Permaisuri Christina sebuah karya panjang tentang cinta (*a treatise on love*), yang kemudiannya menyebabkan baginda begitu ingin menemui penulisnya. Akhirnya, Descartes mengalah dengan pelawaan Permaisuri Christina. Pada bulan September 1649, beliau bertolak dari Amsterdam menuju ke Stockholm dalam perjalanan yang mengambil masa 4 minggu di tengah-tengah musim

³³ Levi, A.W. (1991), *op.cit.*, h. 92.

³⁴ Christian, J.L. (2002), *op.cit.*, h. 50.

sejuk yang paling teruk yang melanda Sweden dalam tempoh enam puluh tahun. Descartes sampai di Stockholm pada bulan Oktober 1649.³⁵

Permaisuri Christina yang baru berumur 20 tahun ketika itu telah memberi sambutan yang gilang gemilang kepada kedatangan Descartes. Keesokan harinya, Permaisuri Christina dan Descartes membincangkan rancangan baginda untuk menubuhkan akademi sains. Descartes telah diberitahu oleh baginda yang beliau telah menjadi ahli bangsawan Sweden. Baginda permaisuri telah memberi keizinan kepada Descartes untuk tidak menghadiri persidangan bangsawan (*court function*) dan kemudian mencadangkan kepada beliau supaya memulakan perjalanan melihat dan berkenalan dengan negara Sweden dalam musim sejuk itu juga.³⁶

Descartes tidak merasa seronok dan kagum dengan apa yang dilihat dan dilaluinya dalam perjalanannya mengembara di negeri Sweden pada musim sejuk. Musim sejuk hanya membuatkan tubuhnya menjadi lemah. Kemudiannya, beliau merasa terkejut apabila beliau dikehendaki oleh Permaisuri Christina untuk mengajar baginda tentang falsafah pada jam 5.00 pagi sebanyak tiga kali dalam satu minggu. Itulah sahaja masa yang Permaisuri Christina ada dalam jadual hariannya yang sangat sibuk. Selama dua bulan, Descartes telah mencuba sedaya upaya yang boleh untuk mengikut jadual yang ditetapkan. Beliau menaiki kereta kuda pada jam 4.30 pagi, menyediakan dirinya di perpustakaan diraja dan kemudiannya mengajar baginda permaisuri selama 5 jam. Selepas itu, beliau terpaksa pula menaiki kereta kuda menempuh salji untuk pulang ke kediamannya. Keadaan ini menyebabkan Descartes merasa sangat tidak gembira dan berharap yang dia tidak pernah datang ke Sweden.³⁷

Pada 1 Februari 1650, Descartes telah membentangkan kepada Permaisuri Christina perlembagaan bagi akademi sains yang dirancang oleh baginda itu. Tetapi, beliau kemudiannya telah mengalami batuk dan radang paru-paru (*pneumonia*). Kesihatan Descartes merosot teruk dan doktor istana telah dipanggil untuk merawat beliau. Walau bagaimanapun, Descartes enggan menerima rawatan doktor yang biasa diamalkan pada waktu itu. Sebaliknya, beliau merawat diri sendiri dengan ubat *emetik* (wain yang dicampurkan dengan tembakau). Pada hari ketujuh selepas beliau sakit, beliau boleh bergourau senda sedikit dan duduk beberapa jam di sebelah unggun api, tetapi kemudiannya keadaan beliau menjadi lebih teruk. Tanpa kerelaan beliau, doktor telah menjalankan prosedur *bled* iaitu mengeluarkan darah (kaedah rawatan pada masa itu) untuk menyelamatkannya.³⁸

³⁵ *Ibid.*, h. 51.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

Pada 11 Februari 1650, pada jam 4.00 pagi, Descartes telah meninggal dunia. Duta Perancis ke Sweden yang juga sahabatnya Pierre Chanut dan paderi Father Viogue berada di sisinya ketika itu.. Diberitakan, kata-kata beliau yang terakhir sebelum beliau menghembuskan nafas adalah “*Ca mo name, il faut partir*” atau dalam bahasa Inggrisnya “*Come my soul, it’s time to go*” yang bermaksud “*Mari nyawaku, ini masanya untuk pergi*”. Kubur beliau sekarang terletak di Chapel of the Sacre Coeur di dalam gereja Church of Saint Germain-des-Pres di Latin Quarter of Paris. Di atas kubur beliau tertulis ayat “*Nunc veritatis quam unice colvit conspectus fruitur*” atau dalam bahasa Inggrisnya “*Now he is enjoying the vision of the truth which he has uniquely honored*” bermaksud “*Sekarang dia sedang menikmati pandangan kebenaran yang telah dengan secara unik dianugerahkan padanya*”.³⁹

METODE COGITO RENE DESCARTES (1596-1650)

Menurut Ahmad,⁴⁰ buku yang paling penting yang menjelaskan pandangan falsafah Descartes adalah *Discourse on the Method* yang diterbitkan pada tahun 1637 dan *Meditations on First Philosophy* yang diterbitkan pada tahun 1641. Kedua-dua buku ini saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Di dalam kedua-dua buku inilah Descartes telah menjelaskan metodenya yang terkenal itu, iaitu Metode Keraguan Descartes (*Cartesian Doubt*). Metode Keraguan Descartes juga seringkali ditulis dalam penulisan-penulisan ilmiah sebagai Metode *Cogito Descartes* ataupun Metode *Cogito* sahaja.

Descartes mengetahui bahawa bukan mudah untuk beliau meyakinkan tokoh-tokoh gereja Kristian pada zaman itu bahawa dasar falsafah haruslah akal (*reason*). Tokoh-tokoh gereja ketika itu sangat kuat berpegang dengan keyakinan bahawa dasar falsafah haruslah iman (*faith*) sebagaimana tersirat dalam jargon *Credo Ut Intelligam* dari Saint Anselm. Bagi meyakinkan orang ramai bahawa dasar falsafah seharusnya akal (*reason*) beliau pun menyusun suatu argumentasi (hujahan) yang amat terkenal dalam dunia falsafah. Argumentasi (hujahan) beliau itu dijelaskan dengan panjang lebar di dalam Metode *Cogito* tersebut.

Bagi memperoleh asas yang kuat bagi falsafahnya, Descartes terlebih dahulu meragukan segala sesuatu yang dapat diragukannya. Mula-mula beliau mencuba meragukan semua perkara yang dapat dialami oleh pancaindera, iaitu objek-objek yang sebenarnya tidak mungkin diragukan. Inilah langkah pertama Metode *Cogito* tersebut. Descartes meragukan

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Ahmad Tafsir (1997), *op.cit.*, h. 113.

adanya badannya sendiri. Keraguan itu menjadi mungkin kerana pada pengalaman mimpi, halusinasi, ilusi dan juga pada pengalaman dengan roh halus, ada yang sebenarnya itu tidak jelas. Pada keempat-empat keadaan itu, seseorang individu dapat mengalami sesuatu seolah-olah dalam keadaan yang sebenar-benarnya.

Di dalam mimpi, seseorang individu seolah-olah mengalami sesuatu yang benar-benar terjadi, seolah-olah dia seperti tidak bermimpi (berada dalam keadaan berjaga). Demikian juga keadaannya dengan pengalaman halusinasi, ilusi dan kenyataan ghaib. Tidak ada batasan yang jelas di antara mimpi dan jaga (sedar). Oleh kerana itu Descartes berkata; “*Aku dapat meragukan bahawa aku duduk di sini dalam pakaian siap untuk pergi ke luar; ya, aku dapat meragukan itu kerana kadang-kadang aku bermimpi seperti dalam keadaan itu, sedangkan aku ada di tempat tidur, sedang bermimpi*”.⁴¹

Oleh itu menurut Descartes tidak ada perbezaan dan batasan yang jelas di antara mimpi (sedang bermimpi) dan jaga. Ketika bermimpi, rasanya seperti bukan bermimpi. Siapakah yang dapat menjamin kejadian-kejadian waktu jaga (yang dikatakan sebagai jaga ini) sebagaimana yang dialami adalah kejadian-kejadian yang sebenar-benarnya berlaku dan bukannya suatu mimpi? Perkara-perkara di dalam halusinasi dan ilusi juga membawa Descartes kepada pertanyaan; Yang mana satukah yang benar-benar ada dan yang asli? Perkara-perkara dalam mimpi, halusinasi, ilusi dan pengalaman dengan alam ghaib itu bila dilihat dalam keadaan Descartes berjaga adalah perkara-perkara yang tidak ada. Akan tetapi perkara-perkara tersebut benar-benar ada bila dilihat dalam mimpi. Di dalam mimpi Descartes melihat dan mengalami perkara-perkara tersebut dengan sebenar-benarnya. Jadi, apakah yang sebenarnya membezakan dengan jelas di antara mimpi dan jaga? Beginilah jalan dan cara berfikir dalam Metode *Cogito* yang digariskan oleh Descartes itu.⁴²

Pada langkah pertama ini, Descartes berjaya meragukan semua perkara yang dapat di alami oleh pancainderanya. Jadi apakah yang sekarang ini dapat beliau percayai dan ianya benar-benar ada? Descartes seterusnya menyatakan bahawa di dalam keempat-empat keadaan yang dialaminya itu (mimpi, halusinasi, ilusi dan pengalaman dengan alam ghaib) dan juga di dalam keadaan berjaga, ada “sesuatu” yang selalu muncul. Dengan kata lain, ada “sesuatu” yang selalu muncul baik ketika Descartes dalam keadaan berjaga ataupun dalam keempat-empat keadaan yang dinyatakan tadi. “Sesuatu” yang dimaksudkan itu yang selalu muncul adalah gerak,

⁴¹ Stumpf, S.E. (t.t), *Philosophy: History & Problems*, 3rd. New York: McGraw-Hill, Inc., h. 234; Ahmad Tafsir (1997), *op.cit.*, h. 113.

⁴² Ahmad Tafsir (1997), *op.cit.*, h. 114.

jumlah dan *volume*. Pada tahap kedua ini, Descartes berpendapat bahwa “sesuatu” (gerak, jumlah dan *volume*) itulah yang lebih ada (lebih wujud) daripada perkara-perkara yang dialami pancaindera dalam jaga mahupun dalam mimpi, halusinasi, ilusi dan pengalaman dengan alam ghaib. Bagi Descartes, kewujudan ketiga-tiga “sesuatu” itu lebih meyakinkan. Mungkin ketiga-tiga “sesuatu” itulah yang sebenar-benarnya ada.⁴³

Persoalannya, betulkah ketiga-tiga “sesuatu” (gerak, jumlah dan *volume*) benar-benar wujud? Descartes pun menguji pendapatnya. Kemudiannya, Descartes meragukannya pula. Mula-mula, Descartes berpendapat “sesuatu” yang tiga macam itu (gerak, jumlah dan *volume*) adalah Matematik. Tetapi kemudian beliau mendapati Matematik juga boleh silap. Menurut Descartes, beliau sering salah dalam mengira jumlah (angka), salah dalam mengukur (*volume*) dan salah dalam menentukan gerak. Oleh itu, ilmu pasti (Matematik) pun masih dapat Descartes ragukan. Ilmu pasti adalah lebih pasti dari perkara-perkara, tetapi Descartes masih dapat meragukannya. Dengan itu, perkara-perkara (dalam langkah pertama) dan ilmu pasti (dalam langkah kedua ini) masih lagi diragukan. Jika begitu keadaannya, maka apakah yang pasti itu? Apakah yang pasti wujud yang dapat menjadi asas falsafah Descartes? Descartes inginkan sesuatu yang pasti, tetapi tidak ditemuinya dalam langkah keduanya itu.⁴⁴

Pada peringkat ketiga, Descartes merasakan masih ada suatu perkara yang tidak dapat beliau ragukan. Bahkan menurut beliau, tidak ada seekor syaitan walau bagaimana licik sekalipun syaitan itu, yang dapat mengganggu keraguannya. Juga, tidak ada seorang skeptis pun yang dapat mengganggu keraguannya. Descartes mengatakan beliau tidak dapat meragukan yang beliau sedang merasa ragu. Begitu jelas sekali bagi Descartes, yang beliau sedang mengalami keraguan dan beliau tidak mampu untuk meragukan keadaannya yang sedang ragu itu. Beliau begitu pasti (*distinct*) yang beliau sedang ragu. Descartes menyatakan, beliau boleh meragukan kewujudan badannya, ataupun meragukan seperti badannya wujud dalam mimpi. Tetapi mengenai keadaan beliau yang sedang ragu “*aku sedang ragu*”, beliau benar-benar tidak dapat meragunya.⁴⁵

Oleh sebab Descartes tidak dapat meragukan dirinya yang sedang ragu, beliau berpendapat ketidakupayaannya untuk meragukan dirinya yang sedang berfikir adalah disebabkan oleh “*aku berfikir*”. Kalau begitu, “*aku berfikir*” pasti ada dan benar. Jika “*aku berfikir*” itu ada, ia bererti “*aku*” ini ada, sebab yang berfikir itu adalah diri aku. Lalu beliau membuat kesimpulan melalui kata-katanya yang masyhur; “*Cogito ergo sum*” yang

⁴³ *Ibid.*, h. 115.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ *Ibid.*

bermaksud “*Aku berfikir, jadi aku ada*”. Dengan itu lengkaplah sudah lima tahap dalam Metode *Cogito* Descartes, yang bermula dengan keraguan yang kemudiannya bergerak menuju kepastian. Tahap-tahap dalam Metode *Cogito* Descartes dapat diringkaskan dalam rajah dibawah:

Tahap-tahap Metode *Cogito* Descartes

perkara/benda inderawi (tidak ada)	gerak, jumlah dan <i>volume</i> (ilmu pasti tidak ada)	saya sedang ragu, ada	saya ragu kerana saya berfikir	jadi, saya berfikir ada
1	2	3	4	5

Sumber: Ahmad Tafsir (1997), *op.cit.*, h. 115

Melalui kaedah berfikir yang dikemukakanya, Descartes telah menemui asas bagi falsafahnya sendiri, iaitu “*aku yang berfikir*”. Asas falsafah Descartes bukan diambil dari falsafah Plato, dan bukan juga dari falsafah Zaman Pertengahan, bukan juga merupakan ajaran agama yang lainnya. Menurut Descartes, pemikiran itulah yang sesuai dijadikan asas bagi falsafah kerana “*aku yang berfikir*” itulah yang benar-benar ada dan tidak diragukan adanya.⁴⁶ Lawhead⁴⁷ menyatakan, Metode *Cogito* Descartes secara amat jelas menyimpang dari pemikiran tradisi falsafah di zamannya. Menurut Lawhead lagi, Descartes sangat jarang sekali mengambil pakai (*quote*) kata-kata orang lain di dalam karyanya seperti yang lazim dilakukan oleh penulis-penulis lain ketika itu. Sebaliknya, beliau menunjukkan imej pemikir yang tersendiri, yang berusaha mencari kebenaran. Kerana itu, Descartes berulang-ulang kali menulis dengan gaya bahasa yang hanya merujuk kepada dirinya. Beliau menyatakan “*bagi saya, ia seperti...*” (*it seems to me ...*), ataupun, “*Saya berasa yakin...*” (*I am convinced...*) ataupun, “*Saya mendapati bahawa...*” (*I have found that...*).

Stumpf⁴⁸ dan Christian⁴⁹ dalam kesimpulannya tentang Metode *Cogito* Descartes menyatakan bahawa metode tersebut adalah betul-betul mengikut kaedah-kaedah Geometri dan Matematik. Menurut Stumpf, Descartes telah melihat Matematik sebagai contoh yang terbaik untuk berfikir secara jelas dan tepat, sehingga ke tahap beliau mahu menjadikan semua pengetahuan sebagai suatu “*Matematik Sejagat*” (*Universal Mathematics*). Melalui kaedah Matematik, Descartes menemui sesuatu yang asas tentang operasi minda manusia. Secara khususnya, beliau telah mengarahkan keupayaan

⁴⁶ Lawhead, W.F. (2002), *op.cit.*, h. 35.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 36.

⁴⁸ Stumpf, S.E. (t.t), *op.cit.*, h. 231; 235.

⁴⁹ Christian, J.L. (2002), *op.cit.*, h. 52.

minda untuk memahami secara langsung dan jelas asas-asas kebenaran yang tertentu. Menurut Christian pula, Metode *Cogito* Descartes pada dasarnya memerlukan kepada empat langkah yang berurutan, iaitu:

- i. Beliau (Descartes) mesti membersihkan mindanya dari kepercayaan-kepercayaan yang salah dengan meragukan semua perkara.
- ii. Beliau (Descartes) akan mula membina semula suatu titik permulaan yang keseluruhannya boleh dipercayai (tidak diragukan) ataupun apa yang dinamakan sebagai paksi (*axiom*) – suatu kaedah Geometri.
- iii. Daripada titik-titik permulaan yang baru ini, beliau (Descartes) akan menggariskan/mengeluarkan implikasi-implikasinya dengan menggunakan kaedah logik deduktif – sama seperti dalam kaedah Matematik.
- iv. Beliau (Descartes) akan mengaplikasikan kesimpulan-kesimpulan yang diperolehi kepada bidang-bidang pengetahuan yang lain dan dalam gambaran yang lebih besar, untuk mencipta falsafah yang baru dan selamat – iaitu *Philosophy of Everything (mathesis universalis)*, ataupun “Pengetahuan Sejagat” (“*Universal Knowledge*”).⁵⁰ Daripada penjelasan yang huraian yang telah dikemukakan, jelas sekali bahawa Descartes telah memulakan falsafahnya dari metode keraguan. Akan tetapi metode keraguan yang digunakannya bukanlah merupakan tujuan falsafahnya. Tujuan metode tersebut bukanlah untuk mempertahankan keraguan, sebaliknya, metode tersebut bergerak dari keraguan menuju kepastian. Keraguan Descartes hanya ditujukan untuk menjelaskan perbezaan antara perkara atau benda yang dapat diragukan dari perkara atau benda yang tidak dapat diragukan. Beliau sendiri tidak pernah meragukan bahawa beliau mampu mendapatkan keyakinan yang berada di sebalik keraguan dan menggunakannya untuk membuktikan suatu kepastian di sebalik sesuatu. Keyakinan beliau itu begitu jelas dan pasti (*clear and distinct*), dan menghasilkan keyakinan yang sempurna. Spinoza merujuk kepada idea ini dan menamakannya sebagai *adequate ideas*, manakala Leibniz merujuk kepada idea ini dan menamakannya *truths of reason*.⁵¹

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ Ahmad Tafsir (1997), *op.cit.*, h. 116.

KESIMPULAN

Rasionalisme adalah suatu aliran dalam Falsafah Moden Barat yang lahir akibat keinginan ahli falsafah dan para pemikir untuk membebaskan diri dari kongkongan pemikiran tradisional falsafah ketika itu yang meletakkan iman (*faith*) sebagai asas kepada ilmu pengetahuan. Rasionalisme muncul ketika zaman *Renaissance* (kelahiran semula) yang membawa gelombang-gelombang perubahan dalam aspek kebudayaan dan pemikiran di Eropah yang bermula di Itali pada abad ke 14 dan kemudiannya merebak ke Perancis, Sepanyol, Jerman, Belanda, England dan ke negara-negara Eropah lainnya. Rasionalisme muncul di zaman perkembangan peradaban yang berlaku di hujung atau selepas Zaman Pertengahan (*Middle Ages / Dark Ages*) sehingga munculnya Zaman Moden.

Meskipun idea tentang penggunaan akal untuk mencapai ilmu pengetahuan telah muncul sejak lama dahulu iaitu sejak dari zaman Yunani kuno yang dipelopori oleh Thales (625-545 SM), dan kemudiannya dilanjutkan oleh golongan sofis dan ahli falsafah Yunani klasik seperti Socrates (469-399 SM), Plato (427-347 SM) dan Aristotle (384-322 SM) dan tokoh-tokoh falsafah sesudah mereka, tetapi idea ini tidak sampai kepada masyarakat Eropah sehinggalah ianya dicetuskan semula oleh Descartes di akhir atau selepas Zaman Pertengahan dan pada permulaan Zaman Moden. Sebab itulah para ahli falsafah di Barat begitu menyanjungi jasa Descartes dan menganggap beliau sebagai “Bapa Falsafah Moden”.

Jasa Descartes ini memang sangat besar kepada masyarakat Barat kerana idea beliau itu telah menimbulkan banyak perubahan dalam masyarakat ketika itu yang banyak dibayangi oleh kuasa dan dogma karut gereja Kristian Katolik. Idea Descartes yang mengagungkan akal lebih daripada yang lain adalah suatu titik permulaan kemenangan akal fikiran ke atas iman (*faith*) di Zaman Moden. Selepas idea beliau muncul, muncul pula tokoh-tokoh pemikir dan ahli falsafah lain yang menyokong, memperkukuh, memperelok dan memperkemaskan lagi ideanya yang berasaskan penggunaan akal fikiran yang sepenuhnya sebagai sumber pengetahuan. Akibatnya, satu demi satu dogma-dogma gereja Kristian ditolak oleh masyarakat Barat. Pengaruh gereja Kristian secara beransur-ansur telah hilang penguasaannya terhadap masyarakat sepertimana yang kita boleh lihat fenomena itu pada masa ini di Eropah dan Amerika Syarikat.

Perbincangan tentang Descartes adalah suatu perbincangan yang menarik untuk diketengahkan sebagai salah satu perbincangan dalam perkara berkaitan subjek pengantar falsafah. Dengan memahami siapa Descartes dan juga Metode *Cogitonya* yang terkenal itu, kita dapat mengetahui bagaimanakah permulaannya bagi falsafah moden Barat pada hari ini.